

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JUMAAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR – BN]**

TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN (NO. 31)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- a) Apakah bentuk bantuan kewangan yang disediakan oleh pihak Kementerian kepada kelab-kelab sukan yang berdaftar di bawah Pesuruhjaya Sukan dan apakah prosesnya untuk memohon; dan
- b) Selain daripada bantuan berbentuk kewangan, apakah bantuan atau kemudahan yang lain diberikan kepada kelab-kelab sukan ini.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan aktiviti adalah bertujuan untuk membiayai sepenuhnya atau sebahagian daripada kos pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh Pertubuhan Belia atau Kelab Sukan. Kelab Sukan yang layak dipertimbangkan ialah badan sukan yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan hendaklah selaras dengan Dasar Sukan negara, memberi impak positif kepada kumpulan sasaran serta menggabungkan nilai-nilai integrasi dan perpaduan kaum.
2. Kementerian juga menyediakan kemudahan berbentuk program pendidikan, khidmat nasihat dan pemantauan badan sukan kepada kelab-kelab sukan. Antara program-program badan sukan yang telah dilaksanakan:-
 - a) Melaksanakan program-program kursus pengurusan badan sukan, bengkel penstrukturan badan sukan, bengkel semakan dan pindaan perlembagaan, program naziran dan pemantauan badan sukan dan sebagainya di mana sepanjang tahun 2014, sebanyak 33 program dengan jumlah penyertaan seramai 895 buah badan sukan telah mendapat manfaat.
 - b) Memberikan khidmat nasihat dan juga menjadi mediasi kepada badan sukan dalam tadbir urus sesebuah organisasi

SULIT

sukan. Secara dasarnya, kementerian menyasarkan untuk meningkatkan lagi kualiti pengurusan badan sukan melalui program-program yang dilaksanakan dan menyelesaikan pertelingkahan dalaman yang berlaku dalam badan sukan.

Sekian, terima kasih.